

Agong rasmi Hari Alam Sekitar Negara

Seru semua pihak bekerjasama cegah jenayah, pelihara alam sekitar negara kita

Oleh **NORAWAZNI YUSOF**
KUANTAN

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan menyempurnakan majlis perasmian sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) peringkat kebangsaan 2022, pada Sabtu.

Seri Paduka Baginda diiringi Pemangku Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Tengku Panglima Raja, Leftenan Kolonel Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Turut hadir, Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man; Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Mohd Shahar Abdullah dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

HASN disambut pada tanggal 21 Oktober setiap tahun mengekalkan tema Alam Sekitar, tanggungjawab bersama dan slogan menyantuni Alam Sekitar dan Keluarga Malaysia bertujuan menyeru semua pihak untuk bersama-sama mencegah jenayah dan memulihara alam sekitar.

Sempena HASN, pelbagai acara diadakan termasuk larian gambut sejauh lima kilometer bermula di Dataran Majlis Bandaraya Kuantan.

Selain itu, aktiviti lain dipertandingkan antaranya reka cipta ba-



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah (dua, kiri) tertarik dengan kreativiti pelajar sekolah yang menggunakan barang terbuang ketika berkenan melawat ruang pameran selepas merasmikan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) di Dewan Majlis Bandaraya Kuantan pada Sabtu.

han kitar semula, pengumpulan buangan kitar semula seperti minyak masak, kertas, plastik dan sebagainya.

Kempen hindari plastik sekali guna juga diadakan, di samping pelancaran buku Islam dan Alam Sekitar dan juga penyampaian anugerah sekolah lestari anugerah Alam Sekitar (SLAAS) peringkat kebangsaan 2020/2022 serta pertandingan warna.

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah (depan, kanan) berkenan melawat ruang pameran selepas merasmikan Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Kebangsaan 2022 di Dewan Majlis Bandaraya Kuantan pada Sabtu.

